Penyusunan semula sistem pendidikan Malaysia bermula di antara tahun 1970 hingga 1990. Sistem Pendidikan kebangsaan telah menggantikan sistem pendidikan penjajah yang terdahulu memandangkan sistem penjajah telah mengetepikan isu pembangunan rakyat, tidak mengambil kira perpaduan dan identiti nasional. Kebangkitan pemimpin dan rakyat Tanah Melayu telah memperjuangkan hak pendidikan nasional menerusi Penyata Razak (1956) dan Laporan Rahman Talib (1960). Kedua-duanya menjadi asas kepada pembinaan sistem dan dasar yang termaktub dalam Akta pelajaran Kebangsaan (1961). Setelah itu, Dasar Pendidikan Kebangsaan dikaji semula pada tahun 1974 dengan penubuhan sebuah jawatankuasa kabinet dan laporan jawatankuasa ini diterbitkan pada tahun 1974. Setelah itu, sistem pendidikan kebangsaan sentiasa mengalami evolusi sehingga terbentuknya Falsafah Pendidikan Negara (Zamri & Anita, 2021).

Industri pendidikan negara mengalami perubahan secara dinamis dan dijangkakan dikira akan terus berkembang menjelang abad ke-21. Hasrat dan harapan Malaysia untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan (*center for academic excellence*) di rantau asia dan antarabangsa memerlukan negara ini meningkatkan kualiti pendidikannya ke taraf dunia dan memperolehi status "*World Class Education*" (Samruhaizad, Samion & Azahan, 2017). Sejakar itu, pencapaian akademik adalah komponen penting untuk menguji kualiti sistem pendidikan sama ada setanding dengan negara lain di dunia. Penilaian terhadap sistem pendidikan bagi negara-negara *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)* diukur menggunakan penilaian oleh *Programme for International Student Assessment (PISA)*



dan *Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS)*. Namun berdasarkan laporan PISA dan TIMSS pada tahun 2018 masih banyak negara yang masih ketinggalan dari aspek pencapaian berbanding negara maju seperti Singapura, China, Russia dan Amerika Syarikat (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2019).

Keprihatinan dunia dalam menangani isu pencapaian murid dapat dilihat menerusi usaha Persatuan Bangsa- Bangsa Bersatu (PBBB) memperkenalkan agenda keempat dalam Matlamat Pembangunan Lestari ke-4 atau dikenali *Sustainable Development Goal 4 (SDG 4)* yang menekankan tentang pendidikan berkualiti. Bagi mencapai matlamat ini, peluang pendidikan yang adil dan pembelajaran sepanjang hayat perlu diberikan untuk membawa kepada hasil pembelajaran yang berkesan. Perkara ini merupakan satu cabaran kepada negara-negara OECD untuk mencapai Matlamat Pembangunan Lestari menjelang 2030 (OECD, 2019a).



Sebagai salah sebuah negara OECD, Malaysia turut menjaga kualiti pendidikan supaya melahirkan generasi yang mampu berdaya saing dalam pembangunan negara. Pendidikan mempunyai impak yang besar ke atas pelbagai peluang kehidupan manusia untuk memperoleh dan mengekalkan kualiti kehidupan (Abdul Halim et al., 2020). Selaras dengan itu, negara kita Malaysia melaksanakan transformasi pendidikan berlandaskan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) bermula dari tahun 2013 hingga 2025. Pelan ini menjadi rujukan utama pihak KPM dan unit di bawahnya dalam mengemudi sistem pendidikan negara (KPM, 2013a)

Pelaksanaan PPPM berteraskan lima aspirasi utama iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan efisien. Untuk memastikan sistem pendidikan negara berada dalam landasan yang betul dan setaraf dengan negara maju yang lain aspirasi kualiti telah



diberikan penekanan. Buktiya adalah dengan penyertaan Malaysia dalam pentafsiran antarabangsa iaitu program penilaian *Programme for International Student Assessment* (PISA) dan *The Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS). Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh OECD sehingga tahun 2018 pentafsiran PISA telah disertai oleh 79 buah negara yang terdiri daripada 37 negara OECD dan 42 negara bukan OECD (Abdul Halim et al., 2020; OECD, 2019b). Bersesuaian dengan penyertaan Malaysia dalam OECD, negara telah menyasarkan hasrat untuk meningkatkan purata global sekali gus berada di kedudukan satu pertiga negara-negara yang menyertai PISA. Hasrat ini telah diselaraskan dengan PPPM 2013-2025.

Namun begitu berdasarkan laporan PISA 2009, 2012 dan 2018 dilaporkan Malaysia masih lagi berada di bawah skor purata antarabangsa. Berdasarkan analisis Kedudukan PISA 2018 Malaysia berada di tangga ke-49 dan 48 dalam bidang Sains dan Matematik dari 79 buah negara yang menyertainya. Keadaan ini agak membimbangkan kerana jika dibandingkan pencapaian Malaysia dengan negara jiran iaitu Singapura dan Vietnam. Vietnam berjaya menduduki tangga ke 4 dan 24 manakala Singapura berjaya mendahului tangga pertama berada dalam keputusan (TIMSS) meninggalkan Malaysia jauh ke belakang (OECD, 2019a).

Perbandingan peringkat nasional pula dibuat berdasarkan perbandingan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Keputusan murid mengikut tahun diterjemahkan kepada bentuk indeks Gred Purata Negeri (GPN). Nilai GPN yang kecil menunjukkan pencapaian yang baik. Jadual 1.1 menunjukkan Gred Purata Keputusan Nasional, bagi tahun 2019 ialah 4.86. Wilayah Persekutuan Putrajaya berada dalam tangga teratas dengan GPN 3.75, diikuti oleh Negeri Sembilan, Johor, Terengganu dan Pahang (KPM, 2020).

Jadual 1.1

Gred Purata Keputusan Nasional (GPN)

Bil	Negeri	2019
1	Wilayah Persekutuan Putrajaya	3.75
2	Negeri Sembilan	4.58
3	Johor	4.68
4	Terengganu	4.69
5	Pahang	4.71
6	Melaka	4.83
7	Kelantan	4.84
8	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	4.86
9	Pulau Pinang	4.86
10	Selangor	4.86
11	Perak	4.91
12	Kedah	5.02
13	Perlis	5.18
14	Sarawak	5.18
15	Sabah	5.38
Keseluruhan Gred Purata Nasional		4.86

Sumber: KPM (2020).

Bermula pada tahun 2013, pihak KPM telah meletakkan syarat persijilan SPM sekurang-kurangnya lulus mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah. Pada tahun 2018

peratus calon yang layak menerima sijil SPM sebanyak 86.39% (338,350 calon).

Manakala hampir 13.61% calon tidak layak menerima sijil SPM. Pada tahun 2019 peratus calon yang layak menerima sijil SPM meningkat sebanyak 0.33% iaitu 86.72% (337,773 calon). Kesimpulannya pada tahun 2018 sebanyak 13.61% manakala pada tahun 2019 sebanyak 13.28% calon tidak mendapat sijil SPM (KPM, 2020).

Menyedari hakikat pencapaian Malaysia di peringkat global dan peratusan murid yang tidak mendapat sijil SPM pelbagai usaha telah dijalankan oleh KPM dalam membantu meningkatkan pencapaian akademik murid. Menerusi PPPM 2013-2025, Malaysia telah melaburkan sumber kewangan yang besar bagi pembangunan infrastruktur, khususnya di kawasan luar bandar dan pendalaman Sabah dan Sarawak untuk mengurangkan jurang pendidikan antara murid bandar dan luar bandar. Selain



itu, kerajaan cuba meningkatkan saiz tenaga pengajar bagi membolehkan peningkatan akses kepada pendidikan (KPM, 2013a).

Isu kesetaraan jantina merupakan isu yang sering diutarakan dalam membanding beza pencapaian murid sama ada di peringkat global mahupun nasional (Akabayashi et al., 2020; Delaney & Devereux, 2021; Hanita & Norzaini, 2018; Meinck & Brese, 2019). Menerusi agenda SDG 4, telah menegaskan tentang kepentingan keseimbangan kandungan pendidikan untuk mengambil kira isu-isu yang relevan seperti hak asasi manusia dan kesetaraan jantina (OECD, 2019c). Jika dilihat pada peringkat nasional pula, melalui PPPM (2013-2025) kerajaan juga cuba mengurangkan jurang pencapaian mengikut jantina meliputi keseluruhan peringkat pendidikan iaitu dari prasekolah, pendidikan rendah, menengah rendah, menengah atas sehingga ke universiti.



Hampir 70 peratus daripada kohort universiti terdiri daripada murid perempuan. Keadaan ini menambahkan jurang pencapaian antara jantina mula ketara di peringkat sekolah rendah dan berterusan sehingga ke universiti (Hanita & Norzaini, 2018). Walaupun fenomena ini bukan unik bagi Malaysia, namun ia memerlukan perhatian bagi memastikan negara tidak mempunyai kohort murid lelaki yang ‘tercincir’, sama ada meninggalkan sistem persekolahan lebih awal atau merupakan kumpulan berpencapaian rendah (KPM, 2013a). Walau bagaimanapun dalam melangkah ke hadapan terdapat banyak perkara lagi yang perlu ditambah baik khusus dari aspek kualiti.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil pelbagai inisiatif menerusi pelbagai cara untuk memastikan pencapaian murid dapat dipertingkatkan



sebagaimana yang telah termaktub dalam PPPM 2013-2015. Oleh itu, pelbagai sumber digerakkan bagi menggembeleng tenaga untuk mencapai hasrat ini merangkumi pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah. Peranan Unit Bimbingan dan Kaunseling (UBK) di sekolah turut boleh menjadi penyumbang terbesar dalam membantu meningkat pencapaian murid di sekolah. Menurut Norafifah dan Mohamad Hashim (2019) UBK sekolah ditubuhkan pada tahun 1963 dengan menawarkan pelbagai jenis perkhidmatan khususnya kepada aspek pembangunan sahsiah diri murid, peningkatan disiplin murid, pengurusan kerjaya murid, dan psikososial serta kesejahteraan mental murid. Boleh dikatakan hampir kesemua sekolah di negara ini mempunyai Unit Bimbingan dan Kaunseling. Hal ini, jelas menggambarkan kepentingan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah.



Guru bimbingan dan kaunseling (GBK) memainkan pelbagai peranan besar di sekolah (Nisrin Anoi Zalchary & Abu Yazid Abu Bakar, 2019). Fokus utama bidang tugas seorang GBK sekolah dalam hubungan menolong murid adalah dengan pelaksanaan sesi kaunseling dan bimbingan (Manchelah, 2017). Sepanjang perjalanan sesi kaunseling dan bimbingan, GBK berperanan untuk memandu murid mendapatkan celik akal. Untuk memastikan keberkesanan perlaksanaan sesi GBK menjalankan sesi dengan berpandukan teori-teori yang terdapat dalam bidang psikologi. Pemilihan teori yang tepat akan memudahkan GBK membantu murid berpencapaian rendah mendapatkan celik akal (Hazrul Hizam & Fatimah, 2019; & Zakaria et al., 2010).

Antara perkhidmatan yang ditawarkan oleh UBK untuk membantu murid berpencapaian rendah ialah kemahiran belajar yang meliputi kemahiran membaca, kemahiran mengambil nota, pengurusan masa, pengurusan diri, kemahiran mendengar,



kemahiran mengingat, kemahiran mengulang kaji, kemahiran menghadapi peperiksaan. Selain itu, UBK juga berperanan untuk bekerjasama dengan guru-guru lain menyediakan kursus kesedaran dan motivasi untuk membantu meningkatkan kesedaran dan memupuk sikap bertanggungjawab di kalangan murid (KPM, 2012). Justeru itu, penyediaan garis panduan atau modul rawatan yang khusus merupakan nilai tambah bagi memastikan kesediaan GBK menangani isu pencapaian murid berpencapaian rendah.

Jika dilihat daripada kajian lepas ternyata aspek psikologi mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik murid sekolah. Sekiranya isu berkaitan psikologi murid tidak dibendung akan memudaratkan diri murid dan lebih parah memberikan kesan terhadap keluarga, sekolah, masyarakat dan negara (Hajhosseini et al., 2017; Mason, 2019a; Ng & Jegathesan, 2019). Peringkat usia remaja adalah tempoh yang kritikal dan merupakan cabaran terbesar dalam kehidupan seseorang (Wan Roslini & Mohd Sani, 2019; Zainol Abidin, 2017). Oleh itu, kebanyakan murid sekolah menengah cenderung berhadapan dengan isu psikologi seperti kepuasan dan kekecewaan keperluan asas, ketakutan menghadapi kegagalan dan kecerdasan menghadapi cabaran (Ryan & Deci, 2017, Abdi, Gracia & Paixao, 2019, Qin, Zhou & Tanu, 2019; Zarrin et al., 2020).

Teori Keperluan Asas Psikologi (TKAP) ialah teori mini yang terdapat dalam Teori Deteminasi Kendiri yang telah diperkenalkan oleh Ryan dan Deci (2000). TKAP telah digunakan secara meluas dalam memahami isu berkaitan psikologi murid di dalam kelas. Terdapat tiga komponen utama dalam TKAP iaitu kecekapan, hubungan, dan autonomi. Menurut Wang, Liu, Kee dan Chian (2019) sekiranya keperluan asas dipenuhi akan mengakibatkan rasa puas (*satisfaction*) dan kesannya meningkatkan



motivasi intrinsik. Manakala apabila ketiga-tiga komponen ini tidak dipenuhi murid rasa kecewa (*frustration*). Kebanyakan individu bermotivasi untuk memenuhi ketiga-tiga keperluan ini kerana dianggap penting untuk pertumbuhan diri, pembangunan sosial dan kesejahteraan diri (Ryan & Deci, 2017).

Seterusnya faktor ketakutan menghadapi kegagalan (KMK) turut mempengaruhi pencapaian murid di sekolah. Berdasarkan kajian PISA 2018, mendapati kebanyakan murid sekolah yang mewakili Asia mengalami ketakutan menghadapi kegagalan tinggi berbanding dengan murid yang mewakili negara Eropah. Conroy et al. (2002) telah memperkenalkan Model Kepelbagai Dimensi Ketakutan Menghadapi Kegagalan (MKDKMK). Terdapat lima komponen dalam model ini iaitu (i) ketakutan menghadapi rasa malu dan malu melampau (KMRMM); (ii) ketakutan penurunan harga diri (KPHD); (iii) ketakutan mempunyai masa depan tidak pasti (KMDTP); (iv) ketakutan hilang pengaruh sosial (KHPS); (v) ketakutan mengecewakan orang tersayang (KMOT). Menurut Abdi, Sohrab, Esther, Paula dan Maria (2020) setiap murid sekolah mempunyai isu dan masalah berbeza yang terkait lima komponen yang terdapat dalam model ini dan memberikan kesan terhadap pencapaian akademik.

Menurut Qin, Zhou dan Tanu (2019) kecerdasan menghadapi cabaran (KMC) ialah sumber kekuatan terbesar untuk seseorang untuk menyelesaikan masalah psikologi yang ada. Beliau juga menyatakan bahawa KMC adalah salah satu kunci untuk berjaya dalam pembelajaran. Kegagalan untuk mengatasi cabaran menyebabkan murid sekolah menghadapi kekeliruan dalam diri dan sekiranya tidak dibendung menyebabkan mereka terjerumus dalam pelbagai masalah sosial (Zainol, 2017). Stoltz (1997) telah memperkenalkan MKPJK untuk mengukuhkan kefahaman berkaitan isu

kecerdasan menghadapi cabaran. Model ini merangkumi subskala kawalan (*control*), pemilikan (*ownership*), jangkauan (*reach*) dan ketahanan (*endurance*).

Oleh sebab itu, isu kekecewaan dan kepuasan keperluan asas psikologi, ketakutan menghadapi kegagalan dan kecerdasan menghadapi cabaran dalam kalangan murid berpencapaian rendah perlu ditangani dengan bijak dan sistematik menggunakan rawatan yang khusus. Rawatan untuk menangani masalah murid berpencapaian rendah boleh dilaksanakan melalui intervensi kaunseling sama ada secara proses program, sesi kaunseling atau bimbingan. Roslan, Aziz Shah dan Fauziah (2019) menyatakan bahawa modul bimbingan diperlukan oleh GBK untuk membantu murid yang berpencapaian rendah. Pembinaan modul untuk murid berpencapaian rendah perlu mengambil kira kesesuaian kecerdasan, kebolehan dan mampu diselesaikan oleh mereka. Selain itu, pembinaan modul bimbingan perlu berasaskan teori kukuh dan sesuai untuk memberikan kesan yang positif (Jamaludin, 2008).

Hasil tinjauan kajian lepas mendapati bahawa terdapat beberapa kajian telah diketengahkan berkaitan rawatan khusus berbentuk pembangunan modul untuk membantu murid sekolah. Tetapi setiap modul dan rawatan menggunakan pelbagai teori dan model yang disesuaikan dengan isu kajian mereka. Antara modul yang dibangunkan untuk membantu murid ialah Modul Terapi Bermain Adlerian (Linda, 2020), Modul Kaunseling Kelompok Penyesuaian Remaja (Zainol, 2017), HM Learning Skills menggunakan Teori Tingkah Laku Kognitif (Roslan, Aziz Shah & Fauziah 2019), Modul Bimbingan kelompok Intergrasi REBT- Tazkiyah An nafs (Mohf Zaheran, Md Noor Saper, dan Mohammad Nasir, 2019), Intervensi Psikoterapi Positif (Abdi et al., 2019), Terapi Latihan Kreativiti (Yoosefi Jooybari et al., 2018). Selain itu terdapat juga pengkaji dalam dan luar negara menggunakan TPTR

dalam pembangunan modul murid antaranya Abdi Zarrin et al. (2019), Yoosefi Jooybari et al. (2018), Mason (2018), Adawiah dan Azemi (2017), dan Hajhosseini et al. (2017). Tuntasnya pelbagai jenis rawatan berbentuk kajian pembangunan diperkenalkan menggunakan pelbagai teori dan pendekatan bagi membantu murid sekolah yang mengalami pelbagai isu kompleks.

Biarpun terdapat pelbagai modul rawatan namun modul yang berasaskan teknik WDEP dalam TPTR masih belum dikaji secara meluas. Hal ini disebabkan kajian sebelum ini terhad kepada sasaran dan lokasi yang berbeza. Pengkaji melihat terdapat keperluan pembinaan intervensi berteraskan TPTR diperluaskan memandangkan isu pencapaian murid sangat berkait rapat dengan keperluan asas psikologi, ketakutan menghadapi kegagalan dan kecerdasan menghadapi cabaran. Apabila klien kerap mengalami kegagalan untuk memenuhi keperluan asas secara berkesan menyebabkan terbentuknya personaliti gagal yang dikategorikan tingkah laku tidak berkesan di luar kawalan (Glasser, 1972, 1985). Guru bimbingan dan kaunseling di sekolah boleh menggunakan TPTR untuk membantu murid yang beridentiti gagal secara berkesan (Ahmad Jazimin, 2018).

Strategi kaunseling berasaskan WDEP merupakan alternatif yang mampu membantu murid berpencapaian rendah untuk mengenal pasti tingkah laku yang bersesuaian kemahuhan (*wants*) dalam diri mereka. Selaras itu, melalui strategi WDEP dapat membantu guru bimbingan dan kaunseling menolong murid berhadapan dan mengatasi cabaran yang wujud dan mengubahnya menjadi peluang untuk mencapai kejayaan. Kejayaan yang dimaksudkan adalah kebolehan individu itu mengubah cabaran kepada kecerdasan lain untuk lebih berjaya dalam pencapaian akademik Mohd Effendi (2015).



Secara keseluruhannya kajian ini bertujuan untuk menyediakan modul Bimbingan Kelompok Teori Pilihan Terapi Realiti (BKT PTR) untuk membantu murid berhadapan dengan isu psikologi murid berpencapaian rendah. Terdapat tiga isu psikologi yang dibincangkan dalam kajian ini iaitu kepuasan dan kekecewaan keperluan asas psikologi, ketakutan menghadapi kegagalan dan kecerdasan menghadapi cabaran. Namun untuk menjalankan kajian ini terdapat halangan untuk melaksanakan sesi bimbingan kelompok secara bersemuka kerana dilanda krisis wabak Pandemik Covid 19.

1.2.1 Intervensi bimbingan kelompok

Intervensi bimbingan dan kaunseling adalah bersifat saling melengkapi antara satu sama lain, namun begitu terdapat perbezaan antara kedua-duanya. Pelaksanaan intervensi bimbingan boleh dilakukan tanpa memerlukan teori dari mana-mana tokoh falsafah mahupun tokoh dalam bidang berkaitan kaunseling. Berbeza dengan kaunseling, ia pula perlu dilakukan dengan adanya beberapa teori yang ditetapkan oleh tokoh-tokoh terkenal seperti Freud, Adler dan Ellis (Sajjad Kabbir, 2017). Semua orang boleh memberikan bimbingan tidak kira guru mahupun murid kerana dalam bimbingan ini adanya nasihat yang boleh diberikan. Bagi kaunseling pula hanya boleh dilakukan oleh kaunselor yang berkelayakan sahaja kerana mereka ini memiliki kepakaran dalam bidang kaunseling yang hanya dimiliki oleh beberapa individu yang memiliki sijil sarjana muda dalam bidang kaunseling sahaja (Khadijah & Nazariah, 2009).



Berdasarkan surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KP(PP) 0051 1/1/Jilid 8/ (24) bertarikh 3 Ogos 2001 memperakui bahawa nisbah seorang GBK sepenuh masa bersamaan 500 orang murid sekolah (sama ada sekolah menengah atau rendah). Walaupun begitu, realiti sebenarnya nisbah GBK dan murid di sekolah sebenarnya tidak dapat memenuhi piawaian yang dikeluarkan oleh kementerian terutama bagi kawasan yang berkepadatan penduduk tinggi. Hakikatnya isu kekurangan masa dan tenaga turut dihadapi oleh GBK di Malaysia pada hari ini. Oleh itu, beberapa pengkaji lepas mencadangkan intervensi bimbingan kelompok dalam membantu murid yang mengalami isu pencapaian akademik bagi mengatasi kekurangan masa dan tenaga (Haziq Hazree, 2020; Adawiah & Azemi, 2017; Mansoureh & Masood, 2017; Mohammad Aziz Shah, 2010).

Selain itu, intervensi bimbingan kelompok lebih menjadi pilihan guru bimbingan dan kaunseling di sekolah kerana mempunyai matlamat jelas, menjimatkan masa serta tenaga ketika melibatkan murid yang ramai, langkah pelaksanaan yang jelas (Gibson & Mitchell, 2003). Tambahan pula, nisbah guru bimbingan dan kaunseling dengan murid yang besar, menjadikekangan untuk membolehkan mereka melibatkan diri sepenuhnya dalam pelaksanaan sesi kaunseling individu di sekolah. Selain itu, proses pelaksanaan kaunseling individu dan kelompok memerlukan penerokaan yang mendalam, masa yang panjang, dan tenaga serta komitmen yang tinggi daripada GBK dan murid. Kesannya ia akan menyukarkan pertemuan GBK dengan murid dan mengehadkan sesi antara mereka (Haziq, 2020; Mohd Aziz Shah, 2010; Gibson & Mitchell, 2003). Justeru itu, penggunaan intervensi bimbingan kelompok adalah lebih efektif dan praktikal dalam persekitaran persekolahan hari ini dalam usaha menangani isu psikologi murid.

1.2.2 Alternatif pembinaan modul bimbingan kelompok secara atas talian ketika wabak Pandemik Covid 19 melanda

Krisis Pandemik *Coronavirus Disease 2019 (COVID-19)* yang melanda Malaysia dan seluruh dunia telah memberi implikasi yang sangat besar kepada pelbagai sektor termasuklah sektor pendidikan negara (Abdul Rashid et al., 2020). Laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau dikenali World Health Organization (WHO, 2020) sehingga 9 Feb 2021 menunjukkan jumlah kes COVID-19 mencecah 106 juta dengan lebih dari 2 juta kematian di seluruh dunia. Jumlah kes positif di Malaysia pula telah mencapai angka 248,316 dan kematian sebanyak 909 orang (Laporan Statistik Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021). Rentetan itu, kerajaan Malaysia telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 dengan tujuan memutuskan rantaian wabak dengan mengawal penularan virus.

Dengan pelaksanaan kawalan pergerakan memberi impak sangat besar kepada sistem politik, ekonomi, sosial, kesihatan, perkhidmatan dan sektor pendidikan negara. Kerajaan telah menjalankan usaha mengawal penularan wabak ini menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan. Program dilaksanakan dalam tiga fasa bermula 24 Februari hingga April 2021 yang menyasarkan kumpulan petugas barisan hadapan melibatkan 500,000 orang. Fasa 2 pula iaitu dari April hingga Ogos membabitkan kumpulan warga emas berumur 65 tahun ke atas, golongan berisiko tinggi serta orang kurang upaya membabitkan 9.4 juta orang, manakala fasa 3 dari Mei 2021 hingga Februari 2022 untuk penduduk di Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang merupakan warganegara dan bukan warganegara dengan sasaran lebih 13.7 juta orang (Luqman Arif, 2021). Kesimpulannya proses untuk pengagihan imunisasi ini akan memakan

masa yang lama memandang jumlah penduduk Malaysia ramai dan proses untuk pengagihan vaksin ini memakan masa yang agak lama.

Krisis global akibat penularan wabak *COVID-19* ini bukan sahaja menyebabkan pembelajaran dan pengajaran secara konvensional tertangguh, bahkan proses pengajaran dan pembelajaran bertambah mencabar apabila melibatkan pembelajaran atas talian. Apa yang paling membimbangkan murid yang berpencapaian rendah akan semakin ketinggalan dalam dunia pendidikan. Wright et al. (2020) menyatakan sejak kebelakangan ini sebilangan besar perkhidmatan psikologi dan dunia kesihatan mental dunia cuba menyesuaikan amalan klinikal dengan batasan jarak fizikal yang diperlukan ketika krisis COVID-19.

Sebilangan besar perkhidmatan klinikal, melibatkan interaksi lisan antara pelanggan dan penyedia perkhidmatan pada awalnya. Kini perkhidmatan ini telah beralih ke model penyampaian perkhidmatan secara jarak jauh, bergantung pada teknologi tele konferensi dalam talian untuk meneruskan hubungan bersemuka dengan pelanggan, ibu bapa, sekolah dan lain-lain (*Amerika Psychological Association, APA*, 2020). Selaras dengan itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mewujudkan Talian Khas Kaunseling *COVID-19* bagi memberi sokongan psikologi kepada orang ramai yang terkesan dengan penularan wabak itu dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia.

Inisiatif yang diambil Persatuan Psikologikal Amerika atau dikenali *Amerika Psychological Association (APA)* dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat jelas menggambarkan keperluan mendesak penyediaan platform psikologi secara atas talian. Tambahan pula, prosedur penjarakan sosial semakin

dipertingkatkan dalam mengawal virus *COVID 19* menghalang pergerakan guru bimbingan dan kaunseling sekolah untuk menjalankan sesi secara bersemuka dan pengumpulan murid secara berkumpulan adalah tidak dibenarkan. Oleh yang demikian keperluan penyediaan modul bimbingan secara atas talian menjadi satu jalan yang memudahkan guru bimbingan dan kaunseling untuk membantu mendekati murid sekolah.

Selain itu, modul bimbingan atas talian ini dapat memberi murid bimbingan dan motivasi ke arah pembelajaran aktif (Peterson et al., 2018). Selaras dengan hasrat OECD (2020a) modul bimbingan atas talian ini diharapkan dapat menjadi alat pengajaran berdasarkan penggunaan teknologi digital dan alat dalam talian sepadan dengan keperluan murid, guru bimbingan dan kaunseling perlu bertindak sebagai mentor untuk membimbing murid dan membantu mereka kekal fokus kepada elemen pembelajaran.

Menyedari halangan krisis wabak Pandemik Covid 19, dalam kajian ini pengkaji ingin menyediakan modul yang bersifat *hybrid* untuk membantu guru bimbingan dan kaunseling sekolah berhadapan isu berkaitan pencapaian murid sekolah. Cadangan pembinaan modul *hybrid* diharapkan dapat menggunakan aplikasi atas talian meliputi aplikasi *whatsapp*, *telegram*, *google meet* dan *google classroom*. Penggunaan aplikasi ini adalah bertujuan untuk memudahkan guru dan murid untuk menjalani sesi bimbingan atas talian dan memudahkan proses pengedaran bahan edaran dan pemulangannya oleh murid yang terlibat.



1.3 Pernyataan masalah

Secara umumnya perbandingan pencapaian akademik boleh dilihat dari banyak sudut samada pada peringkat global, nasional, negeri, daerah dan sekolah. Kedudukan negara pada peringkat global, berdasarkan penilaian PISA dan TIMSS bagi tahun 2018 menunjukkan Malaysia berada di bawah purata yang disasarkan OECD, serta ketinggalan jauh di belakang negara jiran iaitu Singapura dan Vietnam (KPM, 2019). Hal ini perlu dipandang serius oleh pihak kementerian dan intervensi yang wajar perlu dijalankan untuk mengelakkan ia berulang pada masa akan datang.

Tambahan pula, analisis di peringkat nasional mendapati pencapaian SPM 2018 mencatatkan 13.61% dan tahun 2019 pula sebanyak 13.28% murid yang tidak berjaya mendapat sijil SPM (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2020). Secara tidak langsung ia menyekat peluang murid tersebut untuk mendapatkan peluang pekerjaan di sektor awam dan korporat. Seterusnya analisis pencapaian turut dilakukan di peringkat negeri dan daerah Jadual 1.2 menunjukkan Gred Purata Mengikut Daerah Di Negeri Pahang manakala Rajah 1.1 menunjukkan Graf Bilangan Penurunan Dan Peningkatan Gred Purata Sekolah (GPS) bagi daerah Kuantan bagi tahun 2018 dan 2019.




Jadual 1.2

Perbandingan Gred Purata mengikut Daerah Tahun 2018 Dan 2019

Bil	Daerah	2018	Kedudukan semasa	2019	Kedudukan semasa
1	Jerantut	4.45	1	4.51	2
2	Kuantan	4.49	2	4.32	1
3	Pekan	4.68	4	4.65	3
4	Rompin	4.61	3	4.76	4
5	Temerloh	4.99	8	5.09	8
6	Raub	4.81	5	4.77	5
7	Bentong	4.97	7	4.85	6
8	Kuala Lipis	4.92	6	4.92	7
9	Maran	5.14	10	5.16	9
10	Bera	5.00	9	5.20	10
11	Cameron Highland	5.19	11	5.49	11

Sumber: JPN Pahang



Rajah 1.1. Perbandingan Gred Purata Sekolah Daerah Kuantan Tahun 2018 dan 2019
Sumber Sumber: PPD Kuantan

Jadual 1.2 menunjukkan perbandingan pencapaian mengikut daerah dalam negeri Pahang bagi tahun 2018 dan 2019. Berdasarkan pencapaian pada peringkat daerah menunjukkan daerah Kuantan berada di tangga pertama mendahului daerah-daerah lain. Namun jika dilihat pada Rajah 1.1 iaitu perbandingan antara Gred Purata Sekolah (GPS) data menunjukkan berlaku penurunan sebanyak 35% bersamaan 16 buah sekolah daripada 45 buah sekolah dalam daerah Kuantan. Nilai penurunan



sebanyak 35% memberikan sumbangan yang besar kepada penurunan Gred purata Nasional. Skor terendah GPS pula ialah 7.61.

Hakikatnya pelbagai usaha giat dijalankan oleh pihak kementerian untuk meningkatkan mutu pendidikan negara. Menerusi agenda ke-4 PPPM 2013-2025 pihak KPM telah menggerakkan JPN dan PPD menjalankan program dan melaksanakan intervensi yang sesuai dalam menangani isu murid berpencapaian rendah. Namun sejak mula PPPM diperkenalkan hasil dan intervensi yang dijalankan belum menampakkan hasil ketara. Namun begitu di peringkat sekolah, Unit Bimbingan dan Kaunseling memainkan peranan utama dalam membantu murid berhadapan isu psikologi yang mengganggu murid berpencapaian rendah.

Pengkaji lepas turut melihat aspek kepuasan dan kekecewaan keperluan asas psikologi memainkan peranan penting untuk meningkatkan pencapaian akademik (Zayed et al., 2021; Zamarripa et al., 2020; Costa et al., 2018; Phuoc, 2020; Neufeld et al., 2020; Rodrigues et al., 2018). Klien yang kerap mengalami kegagalan memenuhi keperluan asas psikologi akan menyebabkan terbentuk personaliti gagal (Glasser, 1992 & 1985). Ryan dan Deci (2017) telah menekankan bahawa tiga keperluan asas psikologi iaitu autonomi, kecekapan dan hubungan memberikan impak yang besar terhadap perkembangan psikologi murid supaya dapat bergerak ke arah kecemerlangan. Menurut Zamarripa et al.(2020) dan Costa et al. (2018) berpendapat amatlah penting bagi seseorang murid untuk mengurang rasa kecewa terhadap keperluan asas psikologi dan meningkatkan kepuasan keperluan asas psikologi untuk menggalakkan peningkatan terhadap prestasi akademik.



Selain itu, ketakutan menghadapi kegagalan dianggapkan sebagai sumber motivasi untuk meningkatkan pencapaian murid (Alkhazaleh dan Mahasneh, 2016; Holec, 2018; Zarrin et al., 2020). Tambahan pula, ketakutan menghadapi kegagalan mampu menimbulkan cabaran kepada murid untuk lebih berusaha dan berjaya dalam akademik (Yoong dan Saffari, 2019). Oleh itu, amatlah penting penekanan diberikan terhadap usaha untuk meningkatkan tahap ketakutan menghadapi kegagalan supaya murid lebih bermotivasi untuk berjaya dalam proses pembelajaran. Namun begitu, kajian terhadap faktor ketakutan menghadapi kegagalan masih belum dijalankan secara meluas dalam konteks pendidikan di Malaysia dan perlu disebar luas supaya lebih ramai murid berpencapaian rendah dapat dibantu.

Beberapa pengkaji dalam dan luar negara mengaitkan isu pencapaian akademik dengan faktor kecerdasan menghadapi cabaran (Mohd Effendi & Ahmad Zamri ,2019; Ahmad Zamri & Syed Mohammad, 2018; Chadha, 2021; Cornista & Macasaet, 2013, Hema & Gupta, 2019, Huijuan, 2009; Marashi & Naghibi, 2020). Stoltz mengaitkan kejayaan murid berkait rapat dengan peningkatan kecerdasan menghadapi cabaran. Pernyataan ini disokong dapatan dalam kajian oleh Mohd Effendi dan Ahmad Zamri (2019) yang mendapat terdapat hubungan yang positif tahap kecerdasan menghadapi cabaran yang tinggi terhadap pencapaian akademik. Selain itu, Hema dan Gupta (2019) menyatakan bahawa murid yang berpencapaian rendah akan tercicir mempunyai tahap kecerdasan menghadapi cabaran yang rendah berbanding mereka yang berpencapaian tinggi. Selain itu, terdapat keperluan untuk mengkaji perkaitan antara kecerdasan menghadapi cabaran dengan pemboleh ubah lain memandangkan kajian ini masih baru di Malaysia (Mohd Effendi & Ahmad Zamri, 2019; Salwana & Norasmah, 2020). Mwivanda dan Kingi (2020) juga menyatakan pendapat yang sama, mereka turut

mencadangkan supaya kajian pada masa akan datang dapat menambahkan pemboleh ubah lain lebih besar dan lebih pelbagai.

Hasil penelitian kajian lepas mendapati beberapa orang pengkaji turut membuat perbandingan mengikut jantina untuk melihat perkaitan faktor psikologi dengan pencapaian murid. Antaranya Alkhazaleh dan Mahasneh (2016), Correia et al. (2017), dan Holic (2018) dalam kajian mereka menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara ketakutan menghadapi rasa malu dan malu yang melampau dengan jantina murid. Pengkaji lain turut melihat perbandingan skor berdasarkan jantina dalam mengkaji isu kepuasan dan kekecewaan keperluan asas psikologi Zayed et al. (2021), Zamarripa et al. (2020), Costa et al. (2018), Phuoc (2020), Neufeld et al. (2020) & Rodrigues et al. (2018). Seterusnya terdapat pengkaji yang mengkaji perbezaan jantina dengan kecerdasan menghadapi cabaran iaitu Qin et al. (2019), Ahmad Zamri dan Syed Mohammad (2018) dan Rathee dan Sharma (2018). Oleh itu, terdapat keperluan pada kajian ini untuk mengkaji hubungan perbezaan jantina dan pemboleh ubah terhadap pencapaian murid dalam konteks murid di Malaysia.

Pengkaji lepas turut mengkaji perbezaan umur sampel kajian meliputi keseluruhan peringkat pendidikan bermula prasekolah, pendidikan rendah, menengah rendah, menengah atas, kolej, universiti dan alam pekerjaan. Perbandingan bertujuan untuk melihat sejauh mana faktor umur mempengaruhi pencapaian murid. Sakan (2020) telah menjalankan kajian berkaitan kepuasan dan kekecewaan keperluan asas psikologi bagi remaja Serbia. Perbandingan skor instrumen terhadap murid menengah rendah (berumur 12 hingga 15 tahun) dan menengah atas (16 hingga 18 tahun). Hasil kajian mendapati pada murid menengah rendah mempunyai kepuasan autonomi yang tinggi berbanding murid menengah atas. Terdapat juga pengkaji lain yang membuat

perbandingan umur yang mempengaruhi faktor ketakutan menghadapi kegagalan dan kecerdasan menghadapi cabaran (Balkis & Duru, 2019; Choi, 2020; Deneault et al., 2020; Huéscar Hernández et al., 2020; Moreno-Murcia et al., 2019; Qin et al., 2019). Bersesuaian dengan itu, pengkaji mendapati wujud keperluan bagi mengkaji hubungan antara umur (menengah atas dan rendah), pemboleh ubah dengan pencapaian murid.

Terdapat banyak pengkaji telah menjalankan kajian pembinaan modul bimbingan kelompok menggunakan Teori Pilihan Terapi Realiti (TPTR) untuk membantu murid berpencapaian rendah di Malaysia dan luar negara (Abdi et al., 2019; Adawiah & Azemi, 2017; Loyd, 2005; Ng & Jegathesan, 2019; Yoosefi Jooybari et al., 2018). Ng dan Jegathesan (2019) telah menggabungkan aplikasi Teori Pilihan Terapi Realiti dengan tiga buah filem terbaru (*Captain Amerika, Big Hero 6 dan How to train dragon*) dalam pembinaan modul bagi membantu murid berpencapaian rendah.

Sebaliknya, Adawiah dan Azemi (2017) telah menggabungkan aplikasi WDEP dan SAMI²C³ untuk membantu murid bertingkah laku negatif di dalam kelas. Kajian ini bertujuan untuk memberi nilai tambah kepada modul yang sedia ada supaya dapat digunakan dalam membantu murid berpencapaian rendah.

Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PDPR) ialah cabaran terbesar murid berpencapaian rendah terutama dalam isu kehadiran. Hal ini akan menyebabkan murid yang pandai akan terus ke hadapan dan murid yang lemah akan terus ketinggalan. Jika murid berada di sekolah guru bimbingan dan kaunseling atau guru mata pelajaran boleh memberikan motivasi namun di rumah tiada medium khas mereka membantu murid ini (Chai & Abdul Karim, 2022). Oleh itu, kajian ini berhasrat ingin membangunkan satu modul yang boleh diaplikasikan secara bersemuka dan juga



secara atas talian sebagai perantaraan dan alternatif kepada murid berpencapaian rendah dengan guru bimbingan dan kaunseling sekolah ketika virus Covid 19 melanda negara.

Kesimpulannya, untuk mengisi jurang yang terdapat dalam kajian lepas iaitu keperluan melihat hubungan antara jantina, umur tiga pemboleh ubah (kepuasan dan kekecewaan keperluan asas, ketakutan menghadapi kegagalan dan kecerdasan menghadapi cabaran) pengkaji berhasrat untuk membuat kajian tentang penggunaan Modul Bimbingan Kelompok Teori Pilihan Terapi Realiti (BKTPTR) dan melihat kesannya praujian dan pascaujian kepada murid berpencapaian rendah. Selain itu, pengkaji ingin melihat kesan jantina dan umur terhadap pemboleh ubah dan subskala yang terlibat. Pembinaan modul ini mempunyai dua versi yang fleksibel untuk kegunaan guru bimbingan dan kaunseling dengan murid bersemuka atau secara atas talian, supaya dapat medium yang efektif kepada murid berpencapaian rendah.



1.4 Objektif Kajian

Objektif utama kajian eksperimen ini adalah untuk mengkaji kesan BKTPTR terhadap kepuasan dan kekecewaan keperluan asas psikologi (KKKAP), ketakutan menghadapi kegagalan (KMK) dan kecerdasan menghadapi cabaran (KMC) dalam kalangan murid.

Justeru objektif khusus kajian adalah seperti berikut:

- 1.4.1 Mengenal pasti elemen yang diperlukan dalam pembangunan modul bagi membangunkan modul murid berpencapaian rendah.
- 1.4.2 Mengkaji sama ada terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min praujian dan pascaujian pemboleh ubah bersandar kepuasan dan kekecewaan asas



psikologi (KKKAP), ketakutan menghadapi kegagalan (KMK) dan kecerdasan menghadapi cabaran (KMC) bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan dalam kalangan murid sekolah menengah.

- 1.4.3 Mengkaji sama ada terdapat kesan kumpulan menengah dalam ukuran min praujian dan pascaujian pemboleh ubah utama yang bersandar iaitu kepuasan dan kekecewaan keperluan asas psikologi (KKKAP), ketakutan menghadapi kegagalan (KMK) dan kecerdasan menghadapi cabaran (KMC) bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan dalam kalangan murid sekolah menengah.
- 1.4.4 Mengkaji sama ada terdapat kesan faktor jantina dalam ukuran min praujian dan pascaujian pemboleh ubah utama yang bersandar iaitu kepuasan dan kekecewaan keperluan asas psikologi (KKKAP), ketakutan menghadapi kegagalan (KMK) dan kecerdasan menghadapi cabaran (KMC) bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan dalam kalangan murid sekolah menengah.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan tujuan kajian di atas maka persoalan adalah untuk menjawab soalan-soalan kajian berikut:

- 1.5.1 Apakah elemen yang diperlukan dalam pembangunan modul untuk murid berpencapaian rendah?
- 1.5.2 Adakah strategi rawatan BKTPTR dapat mempengaruhi pemboleh ubah bersandar dengan meningkatkan tahap kepuasan keperluan psikologi asas dan mengurangkan tahap kekecewaan keperluan asas psikologi, meningkatkan tahap ketakutan menghadapi kegagalan (KMK) dan meningkatkan tahap kecerdasan menghadapi cabaran (KMC) dalam kalangan murid sekolah menengah?

- 1.5.3 Adakah faktor kumpulan menengah mempengaruhi kesan intervensi dalam ukuran min praujian dan pascaujian pemboleh ubah utama yang bersandar iaitu kepuasan dan kekecewaan keperluan asas psikologi (KKKAP), ketakutan menghadapi kegagalan (KMK) dan kecerdasan menghadapi cabaran (KMC) dalam kalangan murid sekolah menengah?
- 1.5.4 Adakah faktor jantina mempengaruhi kesan intervensi dalam ukuran min praujian dan pascaujian pemboleh ubah utama yang bersandar iaitu kepuasan dan kekecewaan keperluan asas psikologi (KKKAP), ketakutan menghadapi kegagalan (KMK) dan kecerdasan menghadapi cabaran (KMC) bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan dalam kalangan murid sekolah menengah?

1.6 Hipotesis Kajian

Pembinaan hipotesis adalah hanya melibat tiga objektif kajian iaitu 1.4.2 hingga 1.4.4.

Pengkaji telah membentuk tiga hipotesis utama dan 45 hipotesis sampingan untuk menguji pemboleh ubah bersandar berdasarkan tinjauan kajian lepas. Kesemua hipotesis adalah berbentuk hipotesis Nul (H_0) dan dibina untuk meramal kesan rawatan kajian. Tiga hipotesis utama dibina adalah untuk menguji (1) perbezaan min praujian dan min pascaujian (2) kesan kumpulan menengah dan (3) kesan perbezaan jantina. Seterusnya 45 hipotesis sampingan dibina berdasarkan subskala pemboleh ubah utama. Justeru hipotesis kajian eksperimen yang dibentuk adalah:



1.6.1 Hipotesis nul pertama (Perbezaan praujian dan pasca ujian)

Hipotesis nul pertama dibina berdasarkan objektif 2. Penerangan dibuat mengikut tiga pemboleh ubah utama dan subskala iaitu KKKAP, KMK dan KMC untuk menguji perbezaan praujian dan pasca ujian.

Objektif 2: Mengkaji sama ada terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min praujian dan pascaujian pemboleh ubah bersandar kepuasan dan kekecewaan asas psikologi (KKKAP), ketakutan menghadapi kegagalan (KMK) dan kecerdasan menghadapi cabaran (KMC) bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan dalam kalangan murid sekolah menengah.



Berikut merupakan hipotesis nul bagi pemboleh ubah utama KKKAP:

- Ho. 1.1 Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min praujian dan pascaujian pemboleh ubah bersandar kepuasan dan kekecewaan asas psikologi (KKKAP) kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.
- Ho. 1.2 Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min praujian dan pascaujian pemboleh ubah bersandar ketakutan menghadapi kegagalan (KMK) bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.
- Ho. 1.3 Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min praujian dan pascaujian pemboleh ubah bersandar kecerdasan menghadapi cabaran (KMC) bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.



Kepuasan dan kekecewaan keperluan asas psikologi (KKKAP) adalah pemboleh ubah bersandar yang utama dalam kajian ini. Justeru, pengkaji turut mengkaji enam subskala dalam KKKAP berdasarkan soal selidik SKKKAP. Oleh itu, hipotesis nul sampingan iaitu Ho. 1.1.1 hingga Ho. 1.1.6 dibentuk dalam kajian ini.

- Ho. 1.1.1 Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala kepuasan autonomi kelompok rawatan berbanding kawalan.
- Ho. 1.1.2 Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala kekecewaan autonomi kelompok rawatan berbanding kawalan.
- Ho. 1.1.3 Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala kepuasan hubungan kelompok rawatan berbanding kawalan.
- Ho. 1.1.4 Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala kekecewaan hubungan kelompok rawatan berbanding kawalan.
- Ho. 1.1.5 Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala kepuasan kecekapan kelompok rawatan berbanding kawalan.
- Ho. 1.1.6 Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala kekecewaan kecekapan kelompok rawatan berbanding kawalan.

Selain itu, ketakutan menghadapi kegagalan (KMK) juga adalah pemboleh ubah utama yang bersandar dalam kajian ini. Justeru pengkaji turut mengkaji lima subskala

KMK iaitu rasa malu dan malu yang melampau , penurunan harga diri individu, masa depan tidak pasti, hilang pengaruh sosial dan mengecewakan orang tersayang berdasarkan Inventori Penilaian Kegagalan Prestasi (IPKP). Oleh itu, hipotesis nul sampingan iaitu Ho. 1.2.1 hingga Ho. 1.2.5 dibentuk dalam kajian ini.

- Ho. 1.2.1 Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala ketakutan menghadapi rasa malu dan malu yang melampau (KMRMMM) kelompok rawatan berbanding kawalan.
- Ho. 1.2.2 Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala ketakutan penurunan harga diri (KPHD) kelompok rawatan berbanding kawalan.
- Ho 1.2.3 Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala ketakutan masa depan tidak pasti (KMDTP) kelompok rawatan berbanding kawalan.
- Ho. 1.2.4 Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala ketakutan hilangnya pengaruh sosial (KHPS) kelompok rawatan berbanding kawalan.
- Ho. 1.2.5 Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala ketakutan mengecewakan orang tersayang (KMOT) kelompok rawatan berbanding kawalan.

Seterusnya kecerdasan menghadapi cabaran (KMC) juga adalah pemboleh ubah utama yang bersandar dalam kajian ini. Justeru pengkaji turut mengkaji empat subskala KMC iaitu kawalan, pemilikan, jangkuan dan ketahanan berdasarkan Inventori Kecerdasan Menghadapi Cabaran (IKMC). Oleh itu, hipotesis nul sampingan iaitu Ho. 1.3.1 hingga 1.3.4 dibentuk dalam kajian ini.

- Ho. 1.3.1 Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala kawalan kelompok rawatan berbanding kawalan.
- Ho. 1.3.2 Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala pemilikan kelompok rawatan berbanding kawalan.
- Ho. 1.3.3 Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala jangkauan tidak pasti kelompok rawatan berbanding kawalan.
- Ho. 1.3.4 Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala ketahanan kelompok rawatan berbanding kawalan.

1.6.2 Hipotesis nul kedua (Kesan kumpulan menengah)

Hipotesis nul kedua dibina berdasarkan objektif 3. Penerangan dibuat mengikut tiga pemboleh ubah utama dan subskala iaitu KKKAP, KMK dan KMC untuk menguji kesan kumpulan menengah.

Objektif 3: Mengkaji sama ada terdapat kesan kumpulan menengah dalam ukuran min praujian dan pascaujian pemboleh ubah utama yang bersandar iaitu kepuasan dan kekecewaan keperluan asas psikologi (KKKAP), ketakutan menghadapi kegagalan (KMK) dan kecerdasan menghadapi cabaran (KMC) bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan dalam kalangan murid sekolah menengah.

Berikut merupakan hipotesis nul bagi pemboleh ubah utama KKKAP:

- Ho. 2.1 Tidak terdapat kesan kumpulan menengah dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala kepuasan dan kekecewaan keperluan asas psikologi (KKKAP) bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.
- Ho. 2.2 Tidak terdapat kesan kumpulan menengah dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala ketakutan menghadapi kegagalan (KMK) bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.
- Ho. 2.3 Tidak terdapat kesan kumpulan menengah dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala kecerdasan menghadapi cabaran (KMC) bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.

Kepuasan dan kekecewaan keperluan asas psikologi (KKKAP) adalah pemboleh ubah bersandar yang utama dalam kajian ini. Justeru, pengkaji turut mengkaji kesan kumpulan menengah terhadap enam subskala dalam KKKAP berdasarkan soal selidik SKKKAP. Oleh itu, hipotesis nul sampingan dibentuk iaitu Ho. 2.1.1 hingga 2.1.6 dibentuk dalam kajian ini.

- Ho. 2.1.1 Tidak terdapat kesan kumpulan menengah dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala kepuasan autonomi bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.
- Ho. 2.1.2 Tidak terdapat kesan kumpulan menengah dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala kekecewaan autonomi bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.
- Ho. 2.1.3 Tidak terdapat kesan kumpulan menengah dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala kepuasan hubungan bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.

- Ho. 2.1.4 Tidak terdapat kesan kumpulan menengah dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala kekecewaan hubungan bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.
- Ho. 2.1.5 Tidak terdapat kesan kumpulan menengah dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala kepuasan kecekapan bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.
- Ho. 2.1.6 Tidak terdapat kesan kumpulan menengah dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala kekecewaan kecekapan bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.

Selain itu, ketakutan menghadapi kegagalan (KMK) juga adalah boleh ubah utama yang bersandar dalam kajian ini. Justeru pengkaji turut mengkaji kesan kumpulan menengah terhadap lima subskala KMK iaitu ketakutan menghadapi rasa malu dan malu yang melampau (KMRMNM), ketakutan penurunan harga diri (KPHD), ketakutan masa depan tidak pasti (KMDTP), ketakutan hilangnya pengaruh sosial (KHPS), ketakutan mengecewakan orang tersayang (KMOT) berdasarkan Inventori IPKP. Oleh itu, hipotesis nul sampingan 2.2.1 hingga 2.2.5 dibentuk dalam kajian ini.

- Ho. 2.2.1 Tidak terdapat kesan kumpulan menengah dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala iaitu ketakutan menghadapi rasa malu dan malu yang melampau (KMRMNM) bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.
- Ho. 2.2.2 Tidak terdapat kesan kumpulan menengah dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala ketakutan penurunan harga diri (KPHD) bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.



- Ho. 2.2.3 Tidak terdapat kesan kumpulan menengah dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala ketakutan masa depan tidak pasti (KMDTP) bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.
- Ho. 2.2.4 Tidak terdapat kesan kumpulan menengah dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala ketakutan hilangnya pengaruh sosial (KHPS) bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.
- Ho. 2.2.5 Tidak terdapat kesan kumpulan menengah dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala ketakutan mengecewakan orang tersayang (KMOT) bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.

Seterusnya kecerdasan menghadapi cabaran (KMC) juga adalah boleh ubah utama yang bersandar dalam kajian ini. Justeru pengkaji turut mengkaji kesan kumpulan menengah terhadap empat subskala KMC iaitu kawalan, pemilikan, jangkauan dan ketahanan berdasarkan Inventori IKMC. Oleh itu, hipotesis nul sampingan 2.3.1 hingga 2.3.4 dibentuk dalam kajian ini.

- Ho. 2.3.1 Tidak terdapat kesan kumpulan menengah dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala kawalan kelompok rawatan bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.
- Ho. 2.3.2 Tidak terdapat kesan kumpulan menengah dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala pemilikan bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.
- Ho. 2.3.3 Tidak terdapat kesan kumpulan menengah dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala jangkauan bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.



- Ho. 2.3.4 Tidak terdapat kesan kumpulan menengah dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala ketahanan bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.

1.6.3 Hipotesis nul ketiga (Kesan perbezaan jantina)

Hipotesis nul ketiga dibina berdasarkan objektif 4. Penerangan dibuat mengikut tiga pemboleh ubah utama dan subskala iaitu KKKAP, KMK dan KMC untuk menguji kesan perbezaan jantina.

Objektif 4: Mengkaji sama ada terdapat kesan faktor jantina dalam ukuran min praujian dan pascaujian pemboleh ubah utama yang bersandar iaitu kepuasan dan kekecewaan keperluan asas psikologi (KKKAP), ketakutan menghadapi kegagalan (KMK) dan kecerdasan menghadapi cabaran (KMC) bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan dalam kalangan murid sekolah menengah.

Berikut merupakan hipotesis nul bagi pemboleh ubah utama KKKAP:

- Ho. 3.1 Tidak terdapat kesan faktor jantina dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala kepuasan dan kekecewaan keperluan asas psikologi (KKKAP) bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.
- Ho. 3.2 Tidak terdapat kesan faktor jantina dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala ketakutan menghadapi kegagalan (KMK) bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.

Ho. 3.3 Tidak terdapat kesan faktor jantina dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala kecerdasan menghadapi cabaran (KMC) bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.

Kepuasan dan kekecewaan keperluan asas psikologi (KKKAP) adalah pemboleh ubah bersandar yang utama dalam kajian ini. Justeru, pengkaji turut mengkaji kesan faktor jantina terhadap enam subskala dalam KKKAP berdasarkan soal selidik SKKKAP. Oleh itu, hipotesis nul sampingan iaitu Ho. 3.1.1 hingga 3.1.6 dibentuk dalam kajian ini.

Ho. 3.1.1 Tidak terdapat kesan faktor jantina dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala kepuasan autonomi bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.

Ho. 3.1.2 Tidak terdapat kesan faktor jantina dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala kekecewaan autonomi bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.

Ho. 3.1.3 Tidak terdapat kesan faktor jantina dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala kepuasan hubungan bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.

Ho. 3.1.4 Tidak terdapat kesan faktor jantina dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala kekecewaan hubungan bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.

Ho. 3.1.5 Tidak terdapat kesan faktor jantina dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala kepuasan kecekapan bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.



- Ho. 3.1.6 Tidak terdapat kesan faktor jantina dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala kekecawaan kecekapan bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.

Selain itu, ketakutan menghadapi kegagalan (KMK) juga adalah pemboleh ubah utama yang bersandar dalam kajian ini. Justeru pengkaji turut mengkaji kesan faktor jantina terhadap lima subskala KMK iaitu ketakutan menghadapi rasa malu dan malu yang melampau (KMRMMM), ketakutan penurunan harga diri (KPHD), ketakutan masa depan tidak pasti (KMDTP), ketakutan hilangnya pengaruh sosial (KHPS), ketakutan mengecewakan orang tersayang (KMOT) berdasarkan Inventori IPKP. Oleh itu, hipotesis nul sampingan iaitu Ho. 3.2.1 hingga 3.2.5 dibentuk dalam kajian ini.

- Ho. 3.2.1 Tidak terdapat kesan faktor jantina dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala iaitu ketakutan menghadapi rasa malu dan malu yang melampau (KMRMMM) bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.

- Ho. 3.2.2 Tidak terdapat kesan faktor jantina dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala ketakutan penurunan harga diri (KPHD) bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.

- Ho. 3.2.3 Tidak terdapat kesan faktor jantina dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala ketakutan masa depan tidak pasti (KMDTP) bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.

- Ho. 3.2.4 Tidak terdapat kesan faktor jantina dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala ketakutan hilangnya pengaruh sosial (KHPS) bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.



Ho. 3.2.5 Tidak terdapat kesan faktor jantina dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala ketakutan mengecewakan orang tersayang (KMOT) bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.

Seterusnya kecerdasan menghadapi cabaran (KMC) juga adalah pemboleh ubah utama yang bersandar dalam kajian ini. Justeru pengkaji turut mengkaji kesan faktor jantina terhadap empat subskala KMC iaitu kawalan, pemilikan, jangkauan dan ketahanan berdasarkan Inventori IKMC. Oleh itu, hipotesis nul sampingan iaitu Ho. 3.3.1 hingga 3.3.4 dibentuk dalam kajian ini.

Ho. 3.3.1 Tidak terdapat kesan faktor jantina dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala kawalan bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.

Ho. 3.3.2 Tidak terdapat kesan faktor jantina dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala pemilikan bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.

Ho. 3.3.3 Tidak terdapat kesan faktor jantina dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala jangkauan bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.

Ho. 3.3.4 Tidak terdapat kesan faktor jantina dalam ukuran min praujian dan pascaujian subskala ketahanan bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.

1.7 Kerangka Teoretikal

Tunjang utama dalam sesuatu penyelidikan adalah bergantung kepada kerangka teoretikal kajian. Menurut Jones-Smith (2016) teori merupakan satu gugusan pernyataan yang dapat menjelaskan data yang berhubung kait dengan pelbagai isu. Tambahan pula, kefahaman terhadap sesuatu teori membantu kita memahami hubungan sesuatu konsep. Bahkan dapat membantu kita membuat keputusan dalam penyelidikan yang ingin dibuat sekaligus memberi makna kepada apa yang berlaku di sekeliling kita (Varpio et al., 2020).

Teori utama yang mendasari kajian ini adalah Teori Pilihan Terapi Realiti yang diperkenalkan oleh Glasser pada tahun 1965 dan 1998 . Di samping itu, pengkaji juga menggunakan mini Teori Keperluan Asas Psikologi (TKAP) yang diperkenalkan oleh Ryan dan Deci (2000), Model Kepelbagai Dimensi Ketakutan Menghadapi Kegagalan (MKDKMK) oleh Conroy et al. (2002) dan MKPJK yang diperkenalkan oleh Stoltz (1997) sebagai teori sokongan kajian ini. TPTR digunakan dalam keseluruhan peringkat bermula daripada sesi 1 hingga 8 dalam modul ini. TKAP pula digunakan dalam sesi 2 dan 3. MKDKMK pula hanya digunakan dalam sesi 4 dan 5 dalam modul BKTPTR. Sebaliknya MKPJK pula hanya digunakan pada sesi 6 dan 7.

Berdasarkan rajah 1.2 menunjukkan intergrasi dua teori dan dua model yang telah digunakan dalam kajian ini. Beberapa konsep utama dalam TPTR telah dikeluarkan untuk dijadikan asas pembinaan modul iaitu keperluan asas psikologi (kebebasan, rasa dippunyai, kuasa,), identiti berjaya dan identiti gagal, tingkahlaku keseluruhan, dunia kualiti, dunia realiti, penggunaan strategi WDEP dan konsep SAMI²C³. Selain itu, hasil tinjauan kajian lepas mendapat bahawa terdapat perkaitan

antara tiga keperluan asas psikologi TPTR dengan TKAP iaitu i) autonomi: kebebasan; (ii) hubungan: rasa dippunyai; dan iii) kecekapan: kuasa (Aslan, 2021; Loyd, 2005; Ryan & Deci, 2000). Bersesuaian itu, dalam kajian ini pengkaji ingin melihat gabungan elemen kebebasan, rasa dippunyai dan kuasa dalam BKTPTR mempengaruhi kesan modul untuk mengukur subskala autonomi, hubungan dan kecekapan.


Seterusnya konsep identiti berjaya dan identiti gagal turut digunakan untuk membangunkan modul BKTPTR. Menurut Ahmad Jazimin (2018) guru bimbingan dan kaunseling di sekolah boleh menggunakan TPTR untuk membantu murid yang beridentiti gagal secara berkesan. Selain itu, ketakutan menghadapi kegagalan (KMK) mempunyai perkaitan dengan pembinaan identiti gagal (Houltberg et al. (2018), Gomez-Lopez et al. (2019), Moreno-Murcia et al. (2019), Balkis dan Duru (2019), Choi (2020) dan Deneault et al.(2020). Oleh itu, untuk menguji perkaitan ini modul BKTPTR digunakan untuk melihat kesannya terhadap lima subskala KMK iaitu KMRMMM, KPHD, KMDTP, KHPS dan KMOT.

Kemudian Model MKPJK merupakan model sokongan untuk membina Modul BKTPTR. Penggunaan MKPJK digunakan dalam modul BKTPTR sebagai strategi penyelesaian masalah yang merangkumi empat perkara dalam model ini iaitu kawalan, pemilikan, jangkauan dan ketahanan. Strategi penyelesaian masalah ini dinamakan “Senarai semak strategi MKPJK”. Strategi ini menyokong konsep SAMI²C³ dalam teori TPTR sebagai alat membantu murid untuk membuat keputusan. Keempat-empat elemen dalam strategi MKPJK ini dijadikan asas untuk mempertimbangkan supaya pilihan yang dibuat melalui proses pertimbangan yang lebih jelas dan teliti ada dalam diri murid.



Tuntasnya, kesemua model dan teori yang digunakan ini saling melengkapi antara satu sama lain dalam kajian ini. Oleh itu, dengan pengintegrasian semua teori dan model diharapkan dapat menghasilkan modul yang lebih efektif dan dapat menjamin kesan pelaksanaannya dalam membantu mempertingkatkan prestasi serta pencapaian murid sekolah;





Rajah 1.2. Kerangka Teoretikal Kajian

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Secara umumnya kerangka konseptual unsur penting untuk memandu sesuatu kajian.

Menurut Amnah Zanariah (2021) kerangka konseptual ialah garis panduan dan rujukan yang dapat membantu proses meneliti isu dalam sesuatu kajian. Oleh itu, dalam proses pembinaan kerangka konsep kajian ini pengkaji telah melakukan proses sintesis kajian lepas dan menjalankan analisis keperluan dalam usaha menyediakan intervensi yang sesuai untuk murid berpencapaian rendah. Dalam kajian ini kerangka konseptual dibina dengan mengambil kira beberapa perkara iaitu a) isu murid berpencapaian rendah, b) pemboleh ubah yang terlibat, c) gabungan teori yang akan digunakan berdasarkan kajian lepas, d) metodologi berpandukan Model Pembinaan Modul Sidek dan e) membangunkan modul menguji kesan Modul BKTPTR.

Menurut Mugizi (2019) untuk membina kerangka konseptual, pengkaji perlu mempunyai pengetahuan tentang hubung kait pemboleh ubah yang diletakkan dalam kerangka konsep. Dalam kajian ini pengkaji ingin melihat hubungan antara pemboleh ubah bersandar dan tidak bersandar terhadap murid berpencapaian rendah. Pemboleh ubah yang tidak bersandar dalam kajian ini ialah Modul BKTPTR, manakala pemboleh ubah tidak bersandar pula melibatkan (i) kepuasan dan kekecewaan keperluan asas psikologi (ii) ketakutan menghadapi kegagalan dan (iii) kecerdasan menghadapi cabaran murid.


Kajian kuasi eksperimental ini melibatkan 120 sampel murid berpencapaian rendah yang dibahagikan kepada dua kelompok. Seramai 60 orang murid berada dalam kelompok kawalan dan 60 orang selebihnya berada dalam kelompok rawatan.



Kelompok rawatan akan menjalani modul intervensi BKTPTR manakala kelompok kawalan tidak akan menerima sebarang intervensi dalam kajian ini. Untuk menguji kesan pemboleh ubah tidak bersandar, kelompok kawalan dan kelompok rawatan akan menjawab tiga set instrumen yang berkaitan dengan ketiga-tiga pemboleh ubah bersandar pada awal kajian (praujian) dan juga selepas pelaksanaan intervensi kajian (pascaujian).

Intervensi yang digunakan dalam kajian ini ialah Modul BKTPTR. Proses pembinaan modul ini adalah berpandukan Model Pembinaan Modul yang diperkenalkan Sidek (2001). Untuk membina modul ini pengkaji telah menggunakan integrasi TPTR, TKAP, MKDKMK dan MKPJK. Secara keseluruhannya modul ini akan dijalankan sebanyak 8 sesi. Rajah 1.3 menerangkan secara jelas tentang tiga pemboleh ubah berlandaskan dua teori dan dua model yang telah dipilih untuk mendasari kajian ini:





Rajah 1.3. Kerangka Konseptual Kajian

1.9 Kesignifikanan kajian

Pengkaji mengharapkan kajian ini dapat memberikan sumbangan kepada banyak pihak.

Antara kepentingan kajian ini adalah:

1.9.1 Intervensi baru untuk membantu guru bimbingan dan kaunseling dan KPM

Isu pencapaian murid merupakan perkara utama yang menjadi perhatian sama ada di peringkat nasional mahupun global maka guru bimbingan dan kaunseling perlu sensitif dan responsif terhadap perkara ini supaya peranan mereka tidak dinafikan. Oleh itu, intervensi yang bersesuaian mengikut tahap dan perkembangan murid sekolah diperlukan untuk kegunaan guru bimbingan dan kaunseling. Kajian ini merupakan usaha dalam membantu guru bimbingan dan kaunseling untuk menambah baik kualiti perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah khususnya dalam memilih intervensi yang sesuai untuk membantu murid berpencapaian rendah. Dapatan kajian ini boleh dijadikan garis panduan kepada guru bimbingan dan kaunseling untuk menangani isu berkaitan kepuasan dan kekecewaan keperluan asas psikologi, ketakutan menghadapi kegagalan dan kecerdasan menghadapi cabaran.

Perkhidmatan yang dapat diberikan oleh guru bimbingan dan kaunseling kepada murid agak terhad memandangkan nisbah seorang guru bimbingan dan kaunseling bagi 500 orang murid masih diguna pakai. Tambahan pula, saban hari semakin banyak kes yang perlu diuruskan oleh guru bimbingan dan kaunseling, tidak termasuk dengan tugas



tambahan seperti kelas ganti dan tugas pengurusan. Menyedari hakikat ini pihak KPM dalam usaha menambahkan bilangan guru bimbingan dan kaunseling dan menjadikan purata kepada seorang guru bimbingan dan kaunseling bagi 250 orang murid (Tuty Haryanti, 2019). Bersesuaian dengan itu dengan penggunaan modul BKPTR intervensi dapat dijalankan secara kelompok besar dan berfokus. Secara tidak langsung, modul ini dapat mengatasi isu batasan masa dan lebih ramai murid berpencapaian rendah dapat dibantu oleh guru bimbingan dan kaunseling sekali gus membantu pihak KPM mengatasi isu murid berpencapaian rendah.

1.9.2 Pemboleh ubah baru yang hendak dikaji

Secara keseluruhannya kajian ini dijalankan untuk melihat kesan modul BKPTR terhadap gabungan tiga pemboleh ubah baru yang hendak dikaji iaitu kepuasan dan kekecewaan keperluan asas psikologi, ketakutan menghadapi kegagalan dan kecerdasan menghadapi cabaran dalam kalangan murid berpencapaian rendah. Berdasarkan penelitian yang dibuat daripada kajian lepas, didapati kajian berkaitan ketiga-tiga pemboleh ubah ini masih belum digunakan secara meluas di Malaysia (Mohd Effendi & Ahmad Zamri, 2019; Ng & Jegathesan, 2019; Yoong & Saffari, 2019).

Selain itu, kajian yang menggabungkan ketiga-tiga pemboleh ubah ini masih belum ditemui. Sebaliknya kajian lepas hanya berfokus kepada satu pemboleh ubah dan ada yang menggabungkan hanya dua pemboleh ubah. Namun pengkaji belum menjumpai ketiga-tiga digabungkan dalam satu kajian. Antaranya kajian Bartholomew



et al. (2018) dan Zarrin et al. (2020) menggunakan kombinasi alat ukur *Performance Failure Appraisal Inventory* dengan *Psychological Need Thwarting Scales* dan *Sevari's Self Regulation Questionnaire* dalam bidang determinasi kendiri. Seterusnya kajian Loyd (2005) dan Aslan (2021) telah mengkaji tentang keperluan asas psikologi dalam TPTR dan TKAP. Oleh itu pengkaji mengharapkan menerusi kajian ini dapat memperkayakan dan meluaskan kajian literatur dengan menggabungkan ketiga-tiga faktor psikologi dalam kajian ini.

1.9.3 Penghasilan modul baru untuk Teori Pilihan Terapi Realiti

Selain itu, melalui kajian ini dapat membuka peluang dalam usaha memperbanyakkan modul bimbingan kelompok Teori Pilihan Terapi Realiti dalam merawat pelbagai isu dan masalah. Berdasarkan kajian lepas mendapati kajian Ng dan Jegathesan (2019), Adawiah dan Azemi (2017), Abdi et al. (2019), Yoosefi et al. (2018) telah menggunakan modul bimbingan kelompok Teori Pilihan Terapi Realiti dan menunjukkan keberkesanannya. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji berharap modul ini dapat memberi nilai tambah terhadap modul yang sedia ada untuk menyebar luas penggunaannya.

1.9.4 Nilai tambah kepada metodologi kajian

Kajian ini turut menyumbang kepada aspek metodologi kajian menerusi pelaksanaan back to back translation dua set instrumen iaitu *The Basic Psychological Need*



Satisfaction and Frustration Scale (BPNSFS) dan The Performance Failure Appraisal Inventory (TPFAI) ke dalam versi Bahasa Melayu. Kedua-dua instrumen ini telah digunakan secara meluas dan diterjemahkan dalam pelbagai versi bahasa dalam kajian di luar negara. Antaranya kajian menggunakan instrumen BPNSFS ialah Zamarippa et al. (2020), Šakan (2020), dan Costa et al. (2018) yang telah diterjemahkan dalam bahasa Sepanyol, Serbia dan Itali. Manakala kajian yang menggunakan instrumen TPFAI adalah Balkis dan Duru (2019), Zarrin et al. (2020) dan Holic (2018) yang diterjemahkan ke dalam bahasa Turki, Parsi dan Romania. Namun begitu, masih belum ditemui kajian di Malaysia yang telah menterjemahkan kedua-dua instrumen ini. Melalui terjemahan instrumen dalam kajian ini dapat memudahkan murid memahami struktur ayat dan membantu murid memahami isu berkaitan kepuasan dan kekecewaan keperluan asas psikologi, ketakutan menghadapi kegagalan dengan lebih jelas untuk melakukan perubahan dalam diri.



1.9.5 Membantu murid berpencapaian rendah

Pengkaji mengharapkan kajian ini akan dapat membantu murid berpencapaian rendah untuk memperbaiki dan meningkatkan pencapaian mereka dalam akademik. Penyediaan modul yang bersifat interaktif seperti aplikasi *word wall*, diharapkan dapat menarik minat mereka untuk menyertai pelaksanaan modul intervensi bagi membantu mereka daripada aspek psikologi. Pengisian aktiviti yang menggunakan konsep SAMI²C³ dan KPJK juga dapat memandu mereka membuat keputusan yang lebih tepat dan bermakna dalam kehidupan.





1.10 Definisi konsep dan operasional

Definisi konsep merupakan definisi yang diberikan secara umum oleh beberapa orang pengkaji terdahulu untuk dijadikan rujukan. Manakala definisi operasional merupakan definisi yang diberikan mengikut konteks kajian ini. Sehubungan itu pengkaji telah memilih beberapa definisi penting dalam mendasari kajian ini antaranya (i) modul (ii) bimbingan kelompok (iii) Teori Pilihan Terapi Realiti (iv) kepuasan dan kekecewaan keperluan asas psikologi (iv) ketakutan menghadapi kegagalan (v) kecerdasan menghadapi cabaran dan (vi) murid berpencapaian rendah.

1.10.1 Modul



Definisi modul menurut Sidek dan Jamaludin (2005) merupakan unit media dalam rancangan pengajaran yang sistematik dan berturutan yang dapat memudahkan pembelajaran murid di sekolah kerana ia bersifat mudah dan tepat. Manakala dalam bidang motivasi modul merupakan alat, bahan dan sumber yang merangkumi pelbagai aktiviti yang dirancang dengan sistematik yang memudahkan murid untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Terdapat dua jenis modul iaitu modul akademik dan bukan akademik. Modul akademik adalah satu set pengajaran manakala bukan akademik pula meliputi aktiviti peningkatan diri, rekreasi dan pengembaraan (Russell, 1974).

Definisi operasional modul dalam kajian ini adalah merujuk kepada modul psikopendidikan untuk tujuan membantu murid memahami isu psikologi iaitu berfokus





kepada kepuasan dan kekecewaan keperluan asas psikologi, ketakutan menghadapi kegagalan dan kecerdasan menghadapi cabaran dalam kalangan murid berpencapaian rendah. Modul ini dibangunkan berlandaskan Model Sidek Noah (2001). Selain itu, modul yang dibangunkan ini mempunyai 20 aktiviti yang boleh dijalankan dalam 8 sesi pertemuan. Seterusnya modul ini adalah bersifat hybrid yang boleh dijalankan secara atas talian atau bersemuka. Medium yang boleh digunakan untuk menjalankan modul ini secara atas talian adalah secara *google meet, google classroom, telegram* atau *whatsapp*. Pemilihan medium pelaksanaan mengikut kesesuaian dan kemampuan fasilitator dan murid.

1.10.2 Bimbingan Kelompok



Bimbingan melibatkan proses menolong ke arah mencapai matlamat yang dituju (Gladding, 2002). Menurut Ida Hartina (2006) bimbingan boleh dijalankan secara individu atau kelompok. Proses pelaksanaan bimbingan berbeza dengan kaunseling kerana tertumpu kepada penyebaran maklumat dan tidak melibat proses penerokaan mendalam. Jamaludin (2008) bimbingan kelompok didefinisikan pertemuan yang dirancang dan bersistematik dengan tujuan tertentu. Menerusi pertemuan ini dapat memberi ruang untuk ahli memberi idea, berhujah dan memberi pandangan yang bersifat negatif atau positif. Melalui sebagai program dan aktiviti yang sangat khusus dan berstruktur yang dilaksanakan oleh pakar atau guru bimbingan dan kaunseling untuk membantu murid membuat pilihan dan keputusan yang tepat dan lebih bijak.





Justeru, definisi operasional bagi bimbingan kelompok dalam kajian ini ialah proses untuk membantu murid berpencapaian rendah mendapat celik akal dan melakukan perubahan pada diri. Intervensi yang digunakan untuk membimbing murid berpandukan modul BKTPTR yang bertujuan untuk membantu murid berhadapan dengan isu berkaitan kepuasan dan kekecewaan keperluan asas psikologi, ketakutan menghadapi kegagalan dan kecerdasan menghadapi cabaran. Kajian ini melibatkan bimbingan kelompok besar yang melibatkan 60 orang mewakili kelompok kawalan dan 60 orang ahli kelompok rawatan yang merupakan murid bercapaian rendah. Kumpulan rawatan diwakili oleh 30 orang murid tingkatan 2 dan 30 orang tingkatan 4, begitu juga dengan kumpulan kawalan. Pembahagian ini dibuat supaya proses penilaian dibuat mengikut perbandingan setara mengikut kumpulan umur. Kesan intervensi BKTPTR akan diukur berdasarkan perbandingan praujian dan pascaujian.



1.10.3 Teori Pilihan Terapi Realiti (TPTR)

TPTR merupakan teori yang dikemukakan pada awal tahun 1965 oleh William Glasser seorang ahli psikologi di California. TPTR ini menegaskan manusia mempunyai kebebasan dalam membuat pilihan serta perlu bertanggungjawab terhadap pilihan tersebut. TPTR berorientasikan tingkahlaku secara total atau keseluruhannya yang melibatkan komponen *doing* , *thinking* , *feeling* dan *physiology* . Selain itu, TPTR menekankan aspek tingkahlaku dan pemikiran klien dan menolak konsep sakit jiwa yang dipelopori oleh teori psikoanalisis. TPTR mempunyai matlamat menyediakan suatu suasana yang mampu membantu klien bagi membina kekuatan psikologi untuk menilai tingkahlaku semasa .





Secara operasionalnya pengkaji menggunakan TPTR sebagai teori utama untuk pembinaan modul rawatan terhadap sampel kajian yang melibatkan murid berpencapaian rendah. TPTR membantu murid untuk mengenal pasti kemahuan dan kehendak mereka dengan lebih jelas *real world*, mencungkil konflik keperluan asas (*basic needs*), memahami kehendak dalam diri (*quality world*) dan bersedia untuk membuat perancangan untuk bergerak ke arah kehidupan yang lebih baik dengan menggunakan konsep SAMI²C³. Strategi utama dalam teori imi adalah strategi WDEP yang mewakili *want, doing, evalution* dan *planning*.

1.10.4 Kepuasan dan kekecewaan keperluan asas psikologi



Menurut Ryan dan Deci (2000), kepuasan keperluan asas psikologi didefinisikan sebagai keadaan yang memberi tenaga, menghasilkan peningkatan keyakinan dan berorientasi motivasi yang sihat kerana keperluan asas psikologi dapat dipenuhi. Secara tidak langsung ia mendorong kesejahteraan dan memungkinkan pengembangan, kesenangan dan kesejahteraan hidup. Konsep kekecewaan keperluan asas psikologi adalah bertentangan dengan konsep kepuasan keperluan asas psikologi (Ryan & Deci, 2017; Zamarripa et al., 2020). Kekecewaan psikologi dikaitkan dengan kesejahteraan dan kesihatan yang tidak baik, menurut TKAP. Terdapat tiga elemen penting dalam kepuasan dan kekecewaan keperluan asas iaitu autonomi, kecekapan, dan hubungan, yang semuanya saling berkaitan (González-Cutre et al., 2020; Ryan & Deci, 2017; Zamarripa et al., 2020).





Justeru, definisi operasional kepuasan keperluan asas psikologi dalam kajian ini ialah rasa sempurna, puas dan bahagia dalam diri murid kerana dapat memenuhi ketiga-tiga komponen autonomi, kecekapan dan hubungan dapat dipenuhi. Kekecewaan keperluan asas psikologi pula ialah rasa diri tidak sempurna, kecewa dan sedih kerana tidak dapat memenuhi ketiga-tiga pemboleh ubah. Untuk menguji kedua-dua keperluan asas ini dalam kalangan murid berpencapaian rendah, pengkaji menggunakan Skala kepuasan dan kekecewaan keperluan asas psikologi, *Basic psychological need satisfaction and frustration scale* (BPNSFS). Terdapat enam komponen yang diukur dalam instrumen ini iaitu kepuasan autonomi, kekecewaan autonomi, kepuasan hubungan, kekecewaan hubungan, kepuasan kecekapan dan kekecewaan kecekapan.



1.10.5 Definisi Ketakutan Menghadapi Kegagalan



Menurut Conroy et al. (2002) ketakutan menghadapi kegagalan bermaksud kecenderungan seseorang mengelakkan diri daripada melakukan kesilapan kerana kekurangan diri yang boleh menyebabkan rasa malu yang menyebabkan masa depan terjejas. Kesannya menyebabkan tercetus perasaan bimbang, mempunyai kesan yang membahayakan dan membawa kepada tingkah laku negatif (Moreno-Murcia et al., 2019). Bertentangan itu, Holic (2018) menyatakan apabila murid mempunyai ketakutan menghadapi kegagalan mereka berkecenderungan mengambil risiko, mencuba perkara baru dan kerap menggunakan pendekatan cuba jaya.





Justeru itu, ketakutan menghadapi kegagalan dalam konteks kajian ini merupakan perasaan risau atau bimbang untuk menghadapi kemungkinan tidak berjaya mencapai target peperiksaan dalam kalangan murid berpencapaian rendah. Untuk mengukur ketakutan menghadapi kegagalan pengkaji menggunakan Inventori Penilaian Kegagalan Prestasi, *The Performance Failure Appraisal Inventory (PFAI)*. Inventori ini telah dibangunkan oleh Conroy et al. (2002). Terdapat lima dimensi ketakutan menghadapi kegagalan dalam instrumen Inventori Penilaian Kegagalan Prestasi iaitu ketakutan menghadapi rasa malu dan malu yang melampau (KMRMMM), ketakutan penurunan harga diri (KPHD), ketakutan masa depan tidak pasti (KMDTP), ketakutan hilangnya pengaruh sosial (KHPS), ketakutan mengecewakan orang tersayang (KMOT).



1.10.6 Definisi Kecerdasan Menghadapi Cabaran

Stoltz (1997) kecerdasan menghadapi cabaran (KMC) secara istilah memberi makna kemampuan atau kebolehan seseorang individu berjuang menghadapi dan mengatasi masalah, cabaran dan kesulitan, lalu mengubahnya menjadi peluang untuk berjaya. Sebaliknya Mohd Effendi (2015) mendefinisikan KMC sebagai pengukuran terhadap kemampuan seorang murid yang berpencapaian rendah untuk berhadapan dan mengatasi cabaran yang wujud dan mengubahnya menjadi peluang untuk mencapai kejayaan. Kejayaan yang dimaksudkan adalah kebolehan individu itu mengubah cabaran kepada kecerdasan lain untuk lebih berjaya dalam pencapaian akademik.





Seterusnya, definisi operasional bagi isu kecerdasan menghadapi cabaran dalam kajian ini adalah keupayaan murid berpencapaian rendah untuk menghadapi masalah dan melihat masalah itu sebagai satu peluang. Peluang yang wujud ini akan menjadi batu loncatan untuk murid mengubah tingkah laku untuk berjaya dalam akademik. Untuk mengukur KMC pengkaji mengubahsuai Instrumen Kecerdasan Menghadapi Cabaran (IKBAR) yang telah dibangunkan Mohd Effendi (2015) supaya sesuai digunakan untuk konteks murid berpencapaian rendah di sekolah menengah. Terdapat empat subskala akan digunakan dalam kajian ini untuk menguji komponen KMC iaitu kawalan (*control*), pemilikan (*ownership*), jangkauan (*reach*) dan ketahanan (*endurance*).



Berdasarkan konteks pendidikan negara, murid yang berprestasi rendah ialah murid yang tidak mencapai tahap minimum atau di bawah paras markah yang ditakrifkan sebagai lulus dalam subjek tertentu (KPM, 2021) meletakkan markah 40 sebagai markah lulus atau mencapai tahap minimum bagi peperiksaan di sekolah. Murid yang mendapat markah kurang daripada 40 akan mendapat gred E dan dikategorikan sebagai lemah atau tidak mencapai tahap minimum (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2016). Murid sekolah menengah dapat dikategorikan kepada dua tahap iaitu (i) murid menengah bawah iaitu murid yang berumur 13 hingga 15 tahun (tingkatan satu hingga tingkatan tiga) dan (ii) murid menengah atas ialah murid berumur 16 hingga 17 tahun (tingkatan empat hingga tingkatan lima) (websites KPM,2022).





Oleh itu, secara operasionalnya murid berpencapaian rendah merujuk kepada kriteria pemilihan sampel kajian ini. Pengkaji hanya memilih murid tingkatan 2 untuk mewakili murid menengah bawah dan tingkatan 4 bagi mewakili menengah atas. Pemilihan adalah berdasarkan penilaian Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS) untuk menjadi sampel kajian ini. Sampel kajian akan dibahagikan kepada 60 orang bagi kelompok rawatan dan 60 orang bagi kelompok kawalan dan pengagihan murid mengikut jantina dan kelompok menengah dibahagikan secara rawak.

1.11 Limitasi Kajian

Limitasi kajian merupakan batasan kajian mengikut ruang lingkup kajian yang hendak

dikaji. Oleh itu, beberapa limitasi kajian telah dikenal pasti dalam kajian ini:-

1.11.1 Sampel Kajian

Sama seperti kajian lain, kajian juga terdapat limitasi tersendiri. Pertama daripada aspek pemilihan sampel kajian ini melibatkan murid yang berusia 14 dan 16 tahun sahaja. Keadaan ini disebabkan, pihak KPM hanya membenarkan kelas yang tidak terlibat dengan peperiksaan sahaja mengikuti kajian. Selain itu dalam kajian ini pengkaji ingin melihat kesan Modul BKTPTR terhadap dua peringkat umur yang berbeza iaitu remaja berumur 14 dan 16 tahun. Pemilihan umur telah mengambil kira pertimbangan kajian lepas yang mana pada umur ini amat sesuai dijalankan intervensi untuk menangani isu berkaitan tret personaliti. Hal ini kerana ia merupakan langkah awal untuk murid





melakukan perubahan tret personaliti murid yang terlibat. Selain itu, mereka juga tidak terlibat dengan peperiksaan besar dalam tempoh masa yang terdekat dengan intervensi. Ruang masa yang ada ini membolehkan mereka sempat melakukan perubahan diri dengan lebih berkesan sebelum berhadapan dengan peperiksaan yang penting (Haziq Azree, 2020; Mohammad Aziz Shah, 2010)

Pemilihan bilangan subjek kajian juga terbatas kerana kajian eksperimen kuasi tidak memerlukan bilangan subjek yang terlalu ramai berbanding kajian tinjauan. Tambahan pula, untuk memastikan garis panduan pelaksanaan kelompok semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian dipatuhi, pengkaji turut mengehadkan jumlah sampel yang dipilih. Hal ini bertujuan untuk memastikan ahli kelompok dapat dikawal dan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan. Oleh itu, kajian ini hanya melibatkan 120 subjek kajian iaitu seramai 60 orang murid tingkatan 4 dan 60 orang murid tingkatan 2. Murid yang terlibat dibahagikan kepada empat kumpulan iaitu i. kumpulan kawalan tingkatan 2 (K1); ii. kumpulan kawalan tingkatan 4 (K2); iii. kumpulan rawatan tingkatan 2 (R1) ; dan iv. kumpulan rawatan tingkatan 4 (R2). Jumlah murid bagi setiap kumpulan seramai 30 orang. Kumpulan kawalan dan rawatan bagi tingkatan 2 dan 4 diasingkan supaya perbandingan yang dibuat adalah setara bagi kumpulan umur.

1.11.2 Pemilihan Sekolah

Aspek pemilihan sekolah juga terhad kepada sekolah menengah harian. Perkara ini diambil kira untuk mengurangkan bias berbanding jika dilaksanakan di sekolah





berasrama penuh kebanyakannya merupakan kategori murid terpilih sahaja. Selain itu bagi tujuan mengkaji isu murid berpencapaian rendah banyak terjadi di sekolah harian biasa berbanding sekolah berasrama penuh.

1.11.3 Pemboleh ubah Kajian

Kajian ini hanya terbatas kepada satu pemboleh tidak bersandar iaitu Modul BKTPTR dan tiga pemboleh ubah bersandar iaitu kepuasan dan kekecewaan keperluan asas psikologi, ketakutan menghadapi kegagalan dan kecerdasan menghadapi cabaran.

Berdasarkan tinjauan literatur kajian determinasi kendiri sangat luas dan merangkumi lima bidang kajian utama (i) keperluan asas psikologi, (ii) berorientasi sebab dan akibat (iii) matlamat, nilai dan aspirasi (iv) motivasi intrinsik (v) gaya antarabangsa serta regulasi kendiri. Namun dalam kajian ini pengkaji hanya menyentuh tentang kepuasan dan kekecewaan keperluan asas psikologi dalam mini Teori Keperluan Asas Psikologi (TKAP) menggunakan Skala Kepuasan dan Kekecewaan Keperluan Asas Psikologi (SKKKAP). Ia merangkumi subskala kepuasan kecekapan, kekecewaan kecekapan, kepuasan autonomi, kekecewaan autonomi, kepuasan hubungan dan kekecewaan hubungan dan tidak melibatkan faktor yang lain dalam teori ini.

Pemboleh ubah bersandar kedua ialah faktor ketakutan menghadapi kegagalan hanya berfokus kepada lima ciri yang terdapat dalam Model multidimensi ketakutan menghadapi kegagalan yang diperkenalkan oleh Conroy et al. (2002). Antara cirinya





ialah ketakutan menghadapi rasa malu dan malu yang melampau (KMRMMM), ketakutan penurunan harga diri (KPHD), ketakutan masa depan tidak pasti (KMDTP), ketakutan hilangnya pengaruh sosial (KHPS), ketakutan mengecewakan orang tersayang (KMOT). Untuk pengujian faktor ketakutan menghadapi kegagalan pengkaji menggunakan Instrumen Penilaian Kegagalan Prestasi (IPKP).

Pemboleh ubah bersandar ketiga ialah kecerdasan menghadapi cabaran (KMC). Kajian terhadap KMC hanya terhad kepada empat multidimensi MKPJK yang diperkenalkan oleh Stoltz iaitu kawalan, pemilikan, jangkauan dan ketahanan. Manakala alat ukur yang digunakan untuk mengukur KMC ialah Instrumen Kecerdasan Menghadapi Cabaran (IKMC).



1.12 Rumusan

Bab ini telah menghuraikan secara terperinci tentang perkara asas kajian merangkumi pengenalan, latar belakang, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka teoretikal kajian, kerangka konseptual, kepentingan kajian, definisi konsep dan operasional kajian. Rentetan itu, pengkaji ingin membangunkan modul BKTPTR bagi mengisi jurang kajian dan memberi nilai tambah kepada modul yang sedia ada. Modul ini telah dirangka oleh pengkaji melalui sembilan langkah dalam Model Pembinaan Modul Sidek (2001). Dengan adanya asas penyelidikan yang jelas kajian ini diharapkan mampu menyumbangkan hasil kepada pihak KPM, guru bimbingan dan kaunseling dan murid berpencapaian rendah.

